

PM sanjung layanan istimewa Britain

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia belum mampu untuk membalas budi Britain kerana memberi layanan istimewa kepada syarikat negara ini yang beroperasi di negara berkenaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil mengucapkan terima kasih ke atas layanan Britain itu, Perdana Menteri berkata Malaysia tetap melayan syarikat dari Britain seperti syarikat negara lain.

"Britain mampu berbuat demikian kerana ekonominya besar dan kuat. Kita belum mencapai tahap itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Penerapan Nilai Murni Dalam Pentadbiran Awam dan Swasta di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Setiausaha Perdagangan dan Industri Britain, Michael Heseltine, mengenai syarikat Malaysia di negara itu diberi layanan seperti firma tempatan di sana.

Heseltine yang pernah melawat negara ini ketika hubungan Malaysia-Britain terjejas dulu, dilaporkan berkata demikian dalam seminar di London.

Hubungan Malaysia dan Britain agak tegang tahun lalu berikutan laporan akhbar Sunday Times, London yang diterajui Andrew Neil, menuduh pemimpin Malaysia menerima rasuah dalam menganugerahkan kontrak kepada syarikat Britain.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak dapat memberi sebarang keistimewaan kepada syarikat Britain, malah syarikat tempatan di luar negara juga terpaksa bersaing untuk merebut peluang perniagaan yang ada.

"Kita kena nilai seperti biasa dengan semua orang, kalau tidak susahlah kita," katanya.

Menurutnya, persaingan tidak adil kerap berlaku kerana syarikat negara maju sering memberi pinjaman kepada negara yang mengeluarkan tender dalam usaha mendapatkan kontrak berkenaan.

"Kita tidak senang melihat negara kaya memberi bantuan atau geran supaya syarikat negara mereka mendapat kontrak. Ini menjejaskan peluang syarikat negara kita," katanya.

Beliau menjelaskan, Malaysia menimbangkan semua tawaran secara adil tanpa mengambil kira sama ada disertakan geran atau tidak.

Ditanya sama ada langkah Britain memberi keistimewaan kepada syarikat-syarikat Malaysia itu ikhlas, Dr Mahathir berkata:

"Saya fikir mereka ikhlas hendak berbaik semula. Tetapi kita kena ingat bahawa orang British bukannya satu. Ini ada satu dua orang seperti Andrew Neil, orang British pun tidak suka dia.

"Kita tak ada cara nak ambil tindakan kepada Neil, jadi kita terpaksa ambil tindakan ke atas British."